

# DILEMA MEMILIH BIDANG PENGGAJIAN?

Oleh Jeniri Amir

“Argh! Mana satu nak pilih ni? Pening! Pening!”  
 “Mengapakah aku perlu melalui semua ni? Bingung!”  
 “Kalau aku pilih yang ini, yang ini pun bagus juga. Argh!”  
 “Sastera atau Sains? Ah, susah betul hendak pilih!”  
 “Hendak dengar cakap ayah, ibu, kawan atau guru? Susah, susah!”


**TU** antara catatan yang dapat dikesan tentang dilema yang dihadapi oleh pelajar yang berkaitan pemilihan bidang pengajian. Satu daripada dilema pelajar baik selepas PT3, SPM mahupun selepas STPM adalah memilih jurusan pengajian. Aliran Sains atau Sastera. Sekolah berasrama penuh, sekolah menengah kebangsaan agama, sekolah menengah teknik atau kolej vokasional?

Pada tahun ini, pelbagai transformasi mulai berlaku termasuklah langkah memansuhkan aliran sains dan sastera, yang sekali gus bermakna akan mengubah sistem transisi para pelajar dari tingkatan tiga ke tingkatan empat tanpa pembezaan aliran. Dua golongan pakej utama yang ditawarkan kepada

pelajar tingkatan empat mulai tahun ini ialah Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), dan Sastera dan Kemanusiaan.

Di bawah pakej berkenaan, pelajar mempunyai lebih kebebasan untuk memilih mata pelajaran berdasarkan minat. Pakej mata pelajaran menengah atas berdasarkan gabungan mata pelajaran yang mempunyai nilai tambah kepada pelajar dalam konteks pembelajaran mereka. Pakej ini dibina berasaskan keperluan pelajar untuk menyambung pengajian ke peringkat tertiar seperti universiti, Program Matrikulasi, Program Tingkatan Enam, politeknik, kolej komuniti dan institusi lepasan menengah yang lain.

Pakej berkenaan juga mengambil kira keperluan badan profesional dan



lalu bidang kerjaya yang diminati oleh pelajar. Mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua pelajar di sekolah kerajaan, sekolah bantuan dan swasta yang dikenali sebagai teras ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Pendidikan Islam/Pendidikan Moral.

Selain itu, terdapat juga mata pelajaran wajib, iaitu Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan, manakala elektif ialah mata pelajaran yang ditawarkan untuk memenuhi bakat, minat, kebolehan dan potensi murid. Mata pelajaran elektif dikategorikan sebagai Bahasa, STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik), Pengajian Islam serta Kemanusiaan dan Sastera Ikhtisas. Pelajar boleh memilih mata pelajaran elektif mengikut minat dan kecenderungan dengan mengambil kira pencapaian dalam Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3), Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Ujian Psikometrik dan cadangan atau galakan daripada guru atau guru kaunseling.

Yang sebenarnya, dilema sedemikian bukan sahaja dihadapi oleh pelajar, malah ibu bapa mereka juga. Ibu bapa mahu melihat anak mereka mengukir kejayaan dan kecemerlangan dalam pendidikan

dan peperiksaan, dan seterusnya meraih kejayaan dalam kerjaya dan kehidupan. Tidak ada ibu bapa yang mahu melihat anak mereka kecundang dalam pelajaran dan kehidupan. Itulah sebabnya, ada yang mahu anak-anak mengikuti pilihan mereka dari segi bidang pengajian, dan seterusnya profesion atau pekerjaan yang hendak diceburi pada kemudian hari.

Bukan keterlaluhan dikatakan, ada ibu bapa yang menetapkan bidang dan pekerjaan yang perlu diikuti dan diceburi oleh anak-anak mereka. Ada yang mahu anak mengikut jejak langkah mereka. Kalau ayah atau ibu doktor, mereka juga mahu anak-anak menjadi doktor. Kesudahannya, perkara itu memberikan tekanan kepada anak-anak kerana mereka tidak diberikan kebebasan untuk membuat pilihan.

Ya, hidup ialah pilihan. Masa depan juga ialah pilihan, walaupun sebahagiannya di luar kawalan manusia. Manusia dapat merancang, Allah SWT yang menentukannya tetapi manusia tidak boleh berserah kepada nasib semata-mata. Sebaliknya, manusia, termasuklah pelajar perlu merancang. Perancangan dan pilihan termasuklah bidang

pengajian yang hendak diikuti berada di tangan mereka, dan bukannya di tangan orang lain. Orang lain dapat sahaja memberikan nasihat tetapi keputusan akhir di tangan pelajar itu sendiri. Itulah sebabnya, ada yang memberikan nasihat yang berikut:

- Kalau engkau suka sains, engkau boleh menjadi doktor, jurutera.
- Kalau engkau suka sejarah dan berdebat, engkau boleh jadi peguam.
- Kalau engkau suka melukis, engkau dapat jadi pelukis atau arkitek.

Hakikatnya tidaklah semudah yang disangka. Kadangkala pelajar pun tidak pasti dan tidak tahu bidang pengajian yang hendak diikuti. Bukan tidak ada pelajar yang selepas mengikuti sesuatu kursus, mendapati bahawa minatnya bukan dalam bidang pengajian yang diikuti. Itu masih lagi dikira baik dan tidak mengejutkan. Yang lebih mengejutkan adalah apabila ada yang sudah selesai mengikuti kursus atau bidang pengajian, termasuk dalam bidang kedokteran tetapi untuk kemudiannya tidak lagi berminat menjadi doktor.



Dengan pelbagai jenis harapan, nasihat atau maklumat diterima, bayangkan dilema yang dihadapi oleh pelajar. Yang mana satu bidang hendak dipilih? Bidang yang tepat perlu dipilih bagi memastikan pelajar bukan sahaja dapat mengikuti pelajarannya dengan penuh minat tetapi bagi menentukan mereka dapat meraih pencapaian yang cemerlang dalam bidang yang diikuti.

Seterusnya, dengan pencapaian yang cemerlang, mereka dapat melanjutkan pelajaran dalam bidang yang diminati yang dapat menentukan kerjaya di universiti yang dikehendaki dan diminati. Hala tuju masa depan perlu ditentukan dari awal, dan seseorang tidak lagi dapat menyerahkan kepada aliran masa atau nasib. Puluhan tahun dahulu, terutama ketika penulis masih di bangku sekolah, segala macam panduan dan bimbingan memang tidak ada.

Ketika masuk ke universiti pun, tidak ada sesiapa yang memberikan pandangan dan panduan. Penulis mengikuti kursus Kemanusiaan dan Pendidikan di Universiti Sains Malaysia tanpa mengetahui maksud

sebenarnya bidang yang hendak diikuti. Penulis hanya mengagak bahawa kursus itu tentang manusia dan ada kaitan dengan pendidikan. Bayangkan, betapa teruknya keadaan itu lebih 30 tahun lalu. Ini bukanlah menghairankan, kerana memang tidak banyak lulusan universiti sebagai tempat untuk bertanya. Belum ada lulusan universiti dari kampung berbanding sekarang yang hampir setiap keluarga ada siswazah.

Sesungguhnya, memilih bidang pengajian yang betul perlu diambil serius, dan bukannya dipandang ringan. Pemilihan bidang pengajian yang sesuai dari sekolah menengah hingga universiti penting bagi memungkinkan pelajar merencanakan masa depan. Jika tersalah rancang, terutama dalam pemilihan aliran yang ingin diikuti tentu akan mendatangkan kesan jangka panjang dan sepanjang hayat. Untuk itu, pelajar perlu membuat pilihan yang bersesuaian dengan minat, kecenderungan, keputusan peperiksaan dan keupayaan masing-masing supaya tidak timbul isu menyesal atau berdepan konflik lain

pada masa akan datang. Apakah pekerjaan yang hendak diceburi? Apakah jumlah pendapatan yang hendak diraih, hendak bekerja di negara mana, dan apakah yang hendak dicari dalam hidup?

Memang tidak dinafikan sebahagian pelajar sudah tahu dan yakin dengan aliran mana yang bakal dipilih. Tetapi tidak disangkal, sebahagian lagi berdepan dengan dilema.

Suatu ketika dahulu, keputusan peperiksaan menjadi penentu segala-galanya tanpa mempedulikan kecenderungan sebenar pelajar terbabit. Yang disifatkan sebagai pandai, dan seringnya diukur dari segi jumlah A yang diraih, akan ditempatkan dalam aliran Sains jika mata pelajaran Sains memang cemerlang. Bagi yang kurang cemerlang pula ditempatkan di kelas Sastera, Ekonomi Asas, Akaun ataupun ke sekolah vokasional.

Biarpun baru berumur 15 tahun, kebanyakannya sudah dapat menilai kekuatan mereka di bidang tertentu. Yang penting, bidang yang diambil hendaklah sesuai dengan keputusan yang diperoleh, minat dan kecenderungan.

Sebelum ini beberapa pilihan pengajian terbuka bagi lepasan PT3, iaitu sama ada aliran Sains atau Sastera di sekolah perdana, mengikuti kemahiran di Kolej Vokasional (KV), pengajian di Sekolah Menengah Teknik (SMT) mahupun ke institusi latihan seperti Kolej Komuniti atau GiatMara. Biasanya, pelajar yang mahu mengikuti aliran Sains Tulen perlu memperoleh keputusan cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.

Tidak dinafikan, aliran sains sejak dahulu memang dipandang tinggi kerana diyakini dapat menjanjikan masa depan dan peluang yang cerah. Namun begitu, jangan mudah berasa rendah diri jika pelajar tidak mendapat tempat dalam aliran sains.

Sebaliknya, bidang lain juga tidak kurang hebat dan menjanjikan masa depan yang baik.

Pelajar perlu sedar bahawa bidang vokasional juga mempunyai kelebihan tersendiri. Oleh itu, pelajar tidak harus memandang bidang itu dengan sebelah mata. Banyak peluang terbuka dalam bidang lain terutama kemahiran. Seperti aliran lain, bidang kemahiran membolehkan pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dalam pendidikan. Hal ini dapat diperhatikan apabila sebahagian pelajar di SMT atau KV berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat universiti ataupun politeknik. KV memberikan laluan kepada pelajar yang sederhana dalam akademik memilih bidang kemahiran diminati mengikut minat dan kecenderungan masing-masing.

Di situ, pelajar akan didedahkan kepada aspek teori dan praktikal seawal usia 16 tahun, seiring kehendak majikan yang memerlukan kemahiran serta pengalaman bekerja. Kesetaraan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dengan SPM membolehkan pelajar KV menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. Pelajar KV juga layak untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda dengan syarat mereka memenuhi kriteria yang ditetapkan, termasuklah mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya dua tahun dan memiliki Sijil Program Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL). Pelajar KV juga boleh terus memohon program sarjana muda yang ditawarkan universiti dengan syarat memperoleh keputusan cemerlang dalam akademik.

Bagi penulis, pencapaian cemerlang dalam bidang akademik, yang biasanya diukur dari segi pencapaian pada setiap peringkat peperiksaan akan menentukan sama ada pintu peluang kepada

seseorang terbuka luas atau tidak. Jika pencapaian cemerlang, bidang pengajian yang hendak diikuti adalah terbuka, terutama jika hendak melanjutkan pengajian ke tingkat yang lebih tinggi. Memang benar faktor lain seperti kepemimpinan, kemahiran berkomunikasi, kemahiran-insaniah, kecergasan dalam kokurikulum adalah penting. Namun begitu, pada kiraan terakhir, bagi menentukan bidang yang hendak diceburi, prestasi akademik masih lagi berada di tangga teratas.

Namun secara peribadi, adalah lebih baik untuk pelajar mengikuti bidang pengajian yang diminatinya. Dengan adanya minat, akan lebih mudah bagi pelajar untuk menerokai bidang yang dipelajari. Dengan minat, seseorang pelajar dapat pergi lebih jauh dalam bidang berkenaan. Anda perlu tahu akan kecenderungan anda. Adakah anda memang mempunyai kemahiran dan minat dalam hal pertukangan dan bukannya dalam bidang akademik? Jika demikian, mungkin anda sesuai mengambil kursus TVET.

**Jika anda memang berdepan dilema, jangan malu bertanya. Peribahasa Melayu ada berpesan, malu bertanya sesat jalan. Sebelum anda tersesat, lebih elok bagi anda untuk bertanyakan mereka yang tahu, termasuklah guru, pakar, dan sebagainya.**

Oleh itu, pilihlah bidang pengajian yang benar-benar dapat anda ikuti dengan berpegang kepada prinsip mengukur baju di badan sendiri. Sudah pasti setiap bidang pengajian ada kelebihan dan cabarannya. Oleh itu, terpulanglah kepada anda untuk menyesuaikan strategi pembelajaran dengan keupayaan dan kecenderungan anda. Jangan sampai berlaku penyesalan hanya kerana tersalah pilih bidang yang diceburi. Kemungkinan untuk berundur di tengah jalan adalah merugikan kerana anda mungkin sudah banyak berkorban dari segi masa, tenaga, wang ringgit dan usia. Ya, sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna. Oleh itu, pilihlah bidang pengajian yang hendak diikuti sebaik-baik mungkin.

Walau bagaimanapun, dengan minat semata-mata tidak memadai, kerana keupayaan dan kemampuan anda juga penting. Untuk itu, pelajar perlu menilai minat dan keupayaan dengan sejujur-jujurnya agar tidak menukar haluan atau menyesal pada kemudian hari.

Jika anda memang berdepan dilema, jangan malu bertanya. Peribahasa Melayu ada berpesan, malu bertanya sesat jalan. Sebelum anda tersesat, lebih elok bagi anda untuk bertanyakan mereka yang tahu, termasuklah guru, pakar, dan sebagainya. Selaku orang yang berpengalaman, guru dan guru bimbingan yang tentu lebih arif tetapi akhirnya anda sendiri yang perlu membuat keputusan.

Hakikatnya, anda perlu membuat pilihan dari awal dan pilihan itu hendaklah tepat dan sesuai dengan minat dan masa depan yang hendak anda lakar, terutama dari segi kerjaya. Perjalanan seribu batu bermula dengan langkah pertama, dan langkah pertama anda sebenarnya bermula dengan bidang pengajian yang anda pilih ketika masih di bangku sekolah atau di universiti. 